



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS PERNIAGAAN AMERIKA SYARIKAT-ASEAN (USABC) KE ATAS YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 15 MEI 2026 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada Duta (Bersara) Brian D. McFeeters, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-ASEAN (USABC) dan delegasi USABC di Wisma Tani, Putrajaya pada 14 Mei 2026. Sesi ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian dan Jabatan di bawah KPKM.

YB Menteri menekankan bahawa Malaysia melihat Amerika Syarikat sebagai rakan kongsi utama dalam membangunkan sektor pertanian yang moden dan mampan bagi mendepani cabaran global semasa, seperti perubahan iklim, gangguan rantaian bekalan dan ketidakpastian geopolitik. Selain itu, YB Menteri juga turut menyentuh mengenai hasrat Malaysia untuk meningkatkan kerjasama dan pelaburan dengan pihak Amerika Syarikat dalam sektor padi dan ruminan, serta penanaman jagung bijirin secara besar-besaran untuk menyokong industri makanan haiwan domestik.

Sesi dialog telah memfokuskan kepada tiga perkara utama iaitu pertanian regeneratif (*regenerative agriculture*), bekalan baja dan juga hala tuju sektor pertanian Malaysia.

YB Menteri turut menjemput delegasi USABC untuk menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2026 yang dijadualkan pada 28 Ogos 2026 hingga 6 September 2026.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

The banner features the logos of the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) and MAHA 2026 (Malaysia Agriculture, Horticulture & Agritourism Show). The main text reads: **28 OGOS – 6 SEPT. 2026**, **10.00 PAGI – 10.00 MALAM**, **MAEPS SERDANG, SELANGOR**. It also includes the 'VALUE CREATION FOR FOOD SECURITY' logo and social media handles for @kpkmmalaysia and @mahaofficialmy, along with the website mahaofficial.com.my.